



28 Jun 2017
28 June 2017
P.U. (A) 188

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN 2017

MEDICAL REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN 2017

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

PEMILIHAN ANGGOTA TERPILIH MAJLIS

2. Tafsiran "anggota terpilih"
3. Pegawai Pengurus
4. Notis dan permintaan bagi penamaan
5. Penamaan
6. Penarikan balik pencalonan
7. Kelayakan penamaan
8. Penyiaran nama calon, dsb.
9. Bantahan
10. Pemilihan yang tidak dipertandingkan
11. Penamaan melebihi kekosongan
12. Bentuk pengundian

13. Kertas undi
14. Cara mengundi
15. Pembukaan kertas undi
16. Pengiraan undi
17. Perisytiharan keputusan
18. Alasan bagi menolak kertas undi
19. Pemeteraan kertas undi dan Sampul Surat A
20. Penyimpanan kertas undi
21. Aduan

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN

22. Jawatankuasa Pendidikan Perubatan
23. Jawatankuasa Penilaian
24. Daftar Perubatan Malaysia
25. Pendaftaran sementara
26. Pendaftaran penuh
27. Pendaftaran pakar
28. Perakuan pengamalan tahunan
29. Pembaharuan perakuan pengamalan tahunan
30. Pembaharuan perakuan pengamalan sementara
31. Memasukkan semula nama
32. Kemasukan semula nama

33. Bukti pendaftaran

BAHAGIAN IV

PROSIDING TATATERTIB

34. Panel Tatatertib

35. Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan

36. Lembaga Tatatertib

37. Peruntukan yang berhubungan dengan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib

38. Aduan terhadap pengamal perubatan berdaftar

39. Membuang terus aduan

40. Tatacara penyiasatan

41. Syor dan rekod siasatan

42. Siasatan oleh Lembaga Tatatertib

43. Jawatankuasa Kelayakan Mengamal

44. Syor Lembaga Tatatertib

45. Keputusan Majlis

BAHAGIAN V

AM

46. Borang

47. Fi yang ditetapkan

48. Pelantikan penasihat undang-undang

49. Pendedahan maklumat

50. Larangan menghadiri prosiding tatatertib

51. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PERUBATAN 1971

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*],
Majlis, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perubatan 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2017 kecuali perenggan 28(2)(a) dan (b).

(3) Perenggan 28(2)(a) dan (b) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

BAHAGIAN II

PEMILIHAN ANGGOTA TERPILIH MAJLIS

Tafsiran "anggota terpilih"

2. Bagi maksud Bahagian ini, "anggota terpilih" ertinya anggota Majlis yang disebut dalam perenggan 3A(1)(e), (f) dan (g) Akta.

Pegawai Pengurus

3. (1) Presiden Majlis hendaklah menjadi Pegawai Pengurus bagi maksud pemilihan anggota terpilih Majlis.

(2) Pegawai Pengurus boleh melantik penolongnya yang hendaklah bertindak mengikut arahannya.

Notis dan permintaan bagi penamaan

4. (1) Dalam hal pemilihan anggota terpilih Majlis atau jika suatu kekosongan dalam mana-mana jawatan anggota terpilih Majlis berbangkit kerana luput masa, Pegawai Pengurus hendaklah, sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh yang dicadangkan untuk mengadakan pemilihan atau berlakunya kekosongan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, menyebabkan suatu notis disiarkan dalam laman web rasmi Majlis atau dalam apa-apa bentuk penyiaran lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

(2) Notis yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah—

(a) menyatakan jawatan yang kosong atau akan kosong itu;

(b) memohon penamaan calon bagi jawatan itu; dan

(c) menyatakan masa dan tarikh yang selepas darinya penamaan calon bagi jawatan itu tidak diterima.

(3) Jika apa-apa kekosongan dalam mana-mana jawatan anggota terpilih Majlis berlaku disebabkan kematian, peletakan jawatan atau pemberhentian keanggotaan Majlis, Pegawai Pengurus hendaklah, dalam tempoh satu bulan dari berlakunya kekosongan itu, menyebabkan suatu notis disiarkan dalam laman web rasmi Majlis atau dalam apa-apa bentuk penyiaran lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

(4) Notis yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah—

(a) menyatakan jawatan yang dikosongkan itu;

(b) memohon penamaan calon bagi jawatan itu; dan

- (c) menyatakan masa dan tarikh yang selepas darinya penamaan calon bagi jawatan itu tidak diterima.

Penamaan

5. (1) Penamaan calon hendaklah dalam Borang 1 dan hendaklah ditandatangani oleh dua orang pengamal perubatan berdaftar penuh, masing-masing sebagai pencadang dan penyokong dan diendors dengan persetujuan bertulis calon itu.

(2) Tiada seorang pun boleh mencadang atau menyokong penamaan mana-mana calon kecuali dia merupakan seorang yang layak untuk memilih anggota di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) Akta.

(3) Tiap-tiap orang yang layak untuk memilih anggota di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) Akta dan yang berhasrat untuk menamakan mana-mana calon bagi pemilihan sebagai anggota Majlis hendaklah—

- (a) memasukkan namanya sendiri sebagai pencadang atau penyokong dan menandatangani borang penamaan yang disebut dalam subperaturan (1);
- (b) memasukkan pada borang penamaan nama setiap calon yang dihasratkannya untuk dinamakan dan mendapatkan kebenaran setiap calon yang namanya diendors pada borang itu; dan
- (c) mengemukakan borang penamaan bersama dengan maklumat yang dikehendaki kepada Pegawai Pengurus.

(4) Bilangan calon yang dinamakan oleh mana-mana pencadang tidak boleh melebihi bilangan kekosongan anggota terpilih Majlis yang akan diisi dalam pemilihan itu.

(5) Setelah menerima suatu borang penamaan, Pegawai Pengurus atau penolongnya hendaklah mengendors tarikh dan masa menerima borang penamaan itu.

(6) Tiada penamaan boleh diterima oleh Pegawai Pengurus atau penolongnya selepas penutupan penamaan calon.

Penarikan balik pencalonan

6. (1) Mana-mana calon boleh menarik balik pencalonannya dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penghantaran borang penamaan melalui notis secara bertulis dan diserahkan kepada Pegawai Pengurus.

(2) Seseorang calon yang telah menarik balik pencalonannya tidak dibenarkan untuk membatalkan penarikan balik pencalonannya atau untuk dicalonkan semula sebagai seorang calon dalam pemilihan yang sama.

(3) Setelah menerima suatu notis penarikan balik, Pegawai Pengurus hendaklah menyiarkan fakta tentang penarikan balik itu dalam laman web rasmi Majlis atau dalam apa-apa bentuk penyiaran lain yang difikirkan sesuai olehnya.

Kelayakan penamaan

7. Pegawai Pengurus hendaklah menentukan kelayakan pengamal perubatan untuk dinamakan sebagai calon bagi jawatan terpilih.

Penyiaran nama calon, dsb.

8. (1) Pegawai Pengurus hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas penutupan penamaan calon, menyebabkan suatu notis disiarkan dalam laman web rasmi Majlis atau dalam apa-apa bentuk penyiaran lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

(2) Notis yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah menyatakan—

- (a) jawatan yang kosong atau yang akan kosong dan yang berkenaannya pemilihan diadakan;
- (b) nama calon yang dinamakan dan nama pengamal perubatan berdaftar penuh yang mencadang dan menyokong calon itu; dan
- (c) masa dan tarikh yang selepas darinya tiada bantahan boleh dibuat terhadap mana-mana calon itu.

Bantahan

9. (1) Bantahan hendaklah hanya dibuat atas alasan yang berikut:

- (a) calon itu bukan seorang warganegara Malaysia;
- (b) calon itu bukan pemegang perakuan pengamalan semasa;
- (c) calon itu telah menjadi anggota Majlis dan akan, jika dipilih, berkhidmat sebagai anggota Majlis lebih daripada satu jawatan;
- (d) orang yang menamakan calon itu bukan pemegang perakuan pengamalan semasa;
- (e) calon itu didapati bersalah oleh mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda, lebih daripada dua tahun;
- (f) calon itu adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan;
- (g) calon itu tidak layak atas alasan kemastautinan; atau

(h) pengamal perubatan berdaftar penuh yang menamakan calon itu tidak layak atas alasan kemastautinan.

(2) Apa-apa bantahan terhadap mana-mana calon hanya boleh dibuat oleh pengamal perubatan berdaftar penuh dan hendaklah—

(a) menyatakan alasan yang hendak diasaskan;

(b) menyatakan fakta yang menyokong alasan itu;

(c) menyatakan sumber pengetahuan, iaitu sama ada daripada pengetahuan sendiri atau melalui pihak ketiga;

(d) jika sumber pengetahuannya ialah pihak ketiga, menyatakan nama, alamat dan pekerjaan orang itu; dan

(e) menyediakan apa-apa dokumen yang menyokong bantahan itu.

(3) Jika Pegawai Pengurus mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa bantahan itu benar *prima facie*, Pegawai Pengurus hendaklah, dalam tempoh tujuh hari selepas menerima bantahan itu, menghantar suatu salinan bantahan dan apa-apa dokumen sokongan kepada calon bersama dengan notis yang menghendaki calon untuk menunjukkan sebab namanya tidak patut dipotong daripada senarai calon dalam tempoh tujuh hari selepas notis itu disampaikan.

(4) Jika Pegawai Pengurus berpuas hati bahawa bantahan itu benar berdasarkan sebab yang dikemukakan oleh calon dalam subperaturan (3), Pegawai Pengurus hendaklah memotong nama calon itu daripada senarai calon.

Pemilihan yang tidak dipertandingkan

10. Selepas Pegawai Pengurus membuat keputusan terhadap apa-apa bantahan yang disebut dalam peraturan 9, Pegawai Pengurus hendaklah mengisytiharkan calon yang

dinamakan sebagai dipilih jika bilangan calon yang dinamakan adalah sama banyak dengan atau kurang daripada bilangan jawatan yang kosong.

Penamaan melebihi kekosongan

11. Jika Pegawai Pengurus menerima penamaan lebih daripada kekosongan untuk diisi, Pegawai Pengurus hendaklah menyebabkan suatu notis disiarkan dalam laman web rasmi Majlis atau dalam apa-apa bentuk penyiaran lain yang difikirkan sesuai olehnya yang menyatakan—

- (a) tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan untuk mengundi;
- (b) tatacara bagi mengundi; dan
- (c) nama calon dan maklumat lain yang relevan.

Bentuk pengundian

12. Pengundian boleh dijalankan secara manual, atau dengan apa-apa cara lain, sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Pengurus.

Kertas undi

13. (1) Pegawai Pengurus hendaklah, tidak kurang daripada empat minggu sebelum tarikh tutup pemilihan, menghantar kepada orang yang layak untuk mengundi dalam pemilihan itu—

- (a) suatu kertas undi dalam Borang 2, yang hendaklah mengandungi nama dan kelulusan akademik calon dan menyatakan tarikh dan masa pemilihan itu akan ditutup;
- (b) suatu sampul surat yang ditandakan sebagai Sampul Surat A, dalam Borang 3, yang hendaklah mengandungi suatu ruangan bagi nama dan tandatangan saksi; dan

(c) suatu sampul surat yang ditandakan sebagai Sampul Surat B, dalam Borang 4, yang hendaklah mengandungi nama Pegawai Pengurus dan alamat kertas undi itu akan diterima olehnya.

(2) Seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh boleh menyerahkan suatu akuan berkanun yang ditandatangani olehnya dan memohon Pegawai Pengurus untuk menghantar kepadanya kertas undi baharu dan sampul surat jika—

(a) dia tidak menerima kertas undi dan sampul surat;

(b) dia telah menghilangkan kertas undi dan sampul surat; atau

(c) kertas undi dan sampul suratnya dengan telah tidak sengaja rosak.

(3) Dalam hal kertas undi baharu dihantar, suatu rekod hendaklah dibuat di bawah nama pengamal perubatan berdaftar penuh itu.

(4) Tiada pemilihan menjadi tidak sah jika kertas undi tidak diterima oleh pengamal perubatan berdaftar penuh.

(5) Apabila menerima sampul surat, Pegawai Pengurus atau penolongnya hendaklah mengendors pada luar sampul surat tarikh dan masa menerimanya.

(6) Semua sampul surat yang diterima selepas tarikh dan masa yang dinyatakan yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah ditolak.

Cara mengundi

14. (1) Seorang pengamal perubatan berdaftar penuh hendaklah meletakkan suatu tanda sebagaimana yang diarahkan pada kertas undi itu terhadap nama calon yang hendak diundinya itu.

(2) Tiap-tiap pengundi hendaklah memasukkan kertas undi itu ke dalam Sampul Surat A dan hendaklah menandatangani pada Sampul Surat A di hadapan seorang

pengamal perubatan berdaftar penuh yang lain, Jaksa Pendamai, seorang pegawai kumpulan pengurusan dan profesional dalam perkhidmatan awam atau seorang peguam bela dan peguam cara, yang kemudiannya hendaklah menurunkan tandatangan balas.

(3) Pengamal perubatan berdaftar penuh itu hendaklah memasukkan Sampul Surat A ke dalam Sampul Surat B dan hendaklah kemudiannya menghantar Sampul Surat B yang telah dimeterai itu kepada Pegawai Pengurus atau penolongnya supaya sampai kepadanya tidak lewat daripada masa yang dinyatakan pada tarikh tutup pemilihan.

(4) Bilangan calon untuk diundi oleh seorang pengamal perubatan berdaftar penuh tidak boleh melebihi bilangan kekosongan yang hendak diisi dalam suatu pemilihan.

Pembukaan kertas undi

15. (1) Pegawai Pengurus hendaklah, sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum tarikh pembukaan Sampul Surat B, memaklumkan tiap-tiap calon mengenai masa, tarikh dan tempat yang dia bercadang untuk membuka Sampul Surat B.

(2) Calon itu atau penamanya yang telah diberi kuasa secara bertulis olehnya berhak hadir semasa pembukaan sampul surat itu.

(3) Pegawai Pengurus hendaklah menyebabkan Sampul Surat B dibuka dan hendaklah, sama ada dengan inisiatifnya sendiri atau atas kehendak calon itu atau penamanya, jika dia berpuas hati bahawa mana-mana Sampul Surat A tidak mengikut Peraturan-Peraturan ini, menolak sampul surat itu tanpa membukanya.

(4) Sampul Surat A yang ditolak hendaklah dimeterai dalam suatu bungkus yang berasingan.

Pengiraan undi

16. (1) Sampul surat yang tidak ditolak hendaklah kemudiannya dibuka dan kertas undi yang terkandung dalam sampul surat itu hendaklah diletakkan dalam suatu bekas yang berasingan.

(2) Kertas undi itu hendaklah kemudiannya dibuka, dan Pegawai Pengurus hendaklah meneruskan dengan pengiraan dan dia hendaklah, sama ada dengan inisiatifnya sendiri atau atas kehendak calon itu atau penamanya, jika dia berpuas hati bahawa mana-mana kertas undi itu tidak mengikut Peraturan-Peraturan ini, menolak kertas undi itu.

(3) Kertas undi yang ditolak itu hendaklah dimeterai dalam suatu bungkusan yang berasingan.

Perisytiharan keputusan

17. (1) Apabila pengiraan undi telah selesai, Pegawai Pengurus hendaklah mengisytiharkan calon yang mendapat bilangan undi terbanyak sebagai terpilih dan hendaklah menyebabkan suatu notis perisytiharan disiarkan dalam laman web rasmi Majlis atau dalam apa-apa bentuk penyiaran lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

(2) Apabila bilangan undi antara mana-mana calon didapati sama banyak dan tambahan satu undi akan memberi hak kepada mana-mana calon untuk diisytiharkan sebagai terpilih, Presiden boleh memberi undi pemutus yang akan menentukan calon terpilih.

(3) Jika Presiden tidak bersetuju untuk memberi undi pemutusnya, penentuan calon terpilih hendaklah dibuat melalui cabutan undi di hadapan Presiden dan calon itu atau penamanya, jika ada.

Alasan bagi menolak kertas undi

18. (1) Pegawai Pengurus hendaklah menolak kertas undi bagi alasan yang berikut:

(a) kertas undi tidak diisi dengan lengkap;

- (b) kertas undi diterima selepas tarikh dan masa pemilihan ditutup;
- (c) kertas undi itu bukan kertas undi yang dikeluarkan oleh Pegawai Pengurus;
- (d) undi yang diberi lebih daripada bilangan calon yang dipilih;
- (e) kertas undi tidak menunjukkan dengan jelas niat pengundi itu; atau
- (f) kertas undi itu diisi oleh seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang hilang kelayakan daripada mengundi.

(2) Jika apa-apa bantahan dibuat kepada mana-mana kertas undi atas alasan kertas undi itu tidak mematuhi syarat, bantahan hendaklah diputuskan serta-merta oleh Pegawai Pengurus.

(3) Keputusan Pegawai Pengurus adalah muktamad.

Pemeteraian kertas undi dan Sampul Surat A

19. Sampul Surat A yang telah dibuka dan kertas undi hendaklah dimeterai dalam bungkusan yang berasingan.

Penyimpanan kertas undi

20. Tertakluk kepada apa-apa arahan oleh Pegawai Pengurus, bungkusan yang dimeterai yang mengandungi Sampul Surat A, kertas undi, kertas undi yang ditolak dan Sampul Surat A yang ditolak hendaklah disimpan oleh Majlis selama satu tahun dan hendaklah kemudiannya dibinasakan tanpa memecahkan meterainya.

Aduan

21. Majlis boleh dengan inisiatifnya sendiri atau atas permintaan seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh menyiasat apa-apa aduan yang berhubungan dengan perjalanan dan keputusan pemilihan dan boleh mengambil apa-apa tindakan termasuk mengisytiharkan pemilihan sebagai tidak sah sama ada keseluruhannya atau

sebahagiannya, jika difikirkannya sesuai, dengan syarat aduan itu dibuat dalam tempoh empat belas hari selepas keputusan itu disiarkan.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN

Jawatankuasa Pendidikan Perubatan

22. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Pendidikan Perubatan yang keanggotaan, kaedah-kaedah dan tatacaranya hendaklah ditentukan oleh Majlis.

(2) Fungsi Jawatankuasa Pendidikan Perubatan ialah untuk mengiktiraf institusi latihan dan kelulusan yang dianugerahkan oleh institusi latihan yang diiktiraf bagi maksud pendaftaran pengamal perubatan.

(3) Jawatankuasa Pendidikan Perubatan hendaklah membuat syor yang berikut kepada Majlis:

- (a) standard dan kelayakan institusi latihan yang dikehendaki bagi penyenaiaan dalam Jadual Kedua kepada Akta dan penyenggaraan standard itu;
- (b) standard kemahiran yang dikehendaki daripada calon dalam peperiksaan kelayakan;
- (c) program latihan yang relevan bagi pengamal perubatan berdaftar sementara; dan
- (d) standard dan kelayakan bagi kemasukan ke dalam daftar pakar.

(4) Berhubung dengan seseorang yang memegang kelayakan daripada institusi yang tidak disenaraikan dalam Jadual Kedua kepada Akta, Jawatankuasa Pendidikan Perubatan hendaklah membuat syor yang berikut kepada Majlis:

- (a) kelayakan yang dikehendaki dalam bidang perubatan dan pembedahan bagi maksud subperenggan 12(1)(a)(ii) Akta; dan
- (b) peperiksaan yang dijalankan oleh suatu badan yang diluluskan oleh Menteri di bawah perenggan 12(1)(aa) Akta.

Jawatankuasa Penilaian

23. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Perubatan Utama dan Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan yang keanggotaan, kaedah-kaedah dan tatacaranya hendaklah ditentukan oleh Majlis.

(2) Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Perubatan Utama hendaklah membuat syor kepada Majlis, termasuk sekatan dan syarat yang difikirkannya perlu, bagi permohonan yang berikut:

- (a) suatu pendaftaran sementara di bawah seksyen 12 Akta;
- (b) suatu pendaftaran penuh di bawah seksyen 14 Akta; atau
- (c) suatu perakuan pengamalan sementara di bawah subseksyen 16(1) Akta.

(3) Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan hendaklah membuat syor kepada Majlis, termasuk syarat dan sekatan yang difikirkannya perlu, bagi pendaftaran sebagai seorang pakar di bawah seksyen 14C Akta.

(4) Majlis boleh menerima atau menolak syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Perubatan Utama atau Jawatankuasa Penilaian bagi Kelayakan Pakar Perubatan dengan syarat Majlis hendaklah memberikan sebab untuk direkodkan bagi penolakan itu.

Daftar Perubatan Malaysia

24. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu Daftar dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik.

(2) Setelah menerima suatu permohonan bagi pendaftaran daripada seorang pengamal perubatan, Pendaftar hendaklah memasukkan ke dalam Daftar berdasarkan bahagian yang berikut:

(a) Bahagian Pendaftaran Sementara, yang hendaklah mengandungi nama dan butiran pengamal perubatan yang berdaftar di bawah seksyen 12 Akta;

(b) Bahagian Pendaftaran Penuh, yang hendaklah mengandungi nama dan butiran pengamal perubatan yang berdaftar di bawah seksyen 14 Akta; dan

(b) Bahagian Pendaftaran Pakar, yang hendaklah mengandungi nama dan butiran pengamal perubatan yang berdaftar di bawah seksyen 14C Akta.

(4) Pendaftar hendaklah menyebabkan Daftar disiarkan dalam laman web rasmi Majlis atau dalam apa-apa bentuk penyiaran lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

Pendaftaran sementara

25. (1) Mana-mana orang yang berhak untuk didaftarkan sementara hendaklah memohon kepada Pendaftar dalam Borang 5 dan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Sebelum mendaftarkan orang itu, Pendaftar hendaklah menghendaki pemohon—

- (a) untuk mengemukakan ijazah asal yang diberikan kepada pemohon atau jika ijazah itu tidak tersedia, meminta suatu transkrip rasmi ijazah itu untuk dihantar terus oleh institusi yang berkenaan kepada Pendaftar;
- (b) untuk mengemukakan suatu pernyataan oleh seorang pengamal perubatan berdaftar, seorang peguam bela dan peguam cara atau seorang pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional dalam perkhidmatan awam yang mengenali sendiri pemohon itu dan bahawa sepanjang pengetahuannya pemohon itu adalah orang yang telah dianugerahkan ijazah itu;
- (c) jika kelayakan yang dirujuk dalam permohonan itu bukan salah satu daripada kelayakan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta—
 - (i) untuk mengemukakan suatu perakuan oleh Menteri bahawa kelayakan yang dipegang oleh pemohon telah disifatkan sebagai sesuai bagi pendaftaran di bawah subperenggan 12(1)(a)(ii) Akta; dan
 - (ii) untuk mengemukakan perakuan bahawa pemohon telah lulus peperiksaan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 12(1)(aa) Akta;
- (d) untuk mengemukakan apa-apa dokumen rasmi daripada institusi penerima bahawa pemohon telah dipilih bagi pekerjaan di bawah subseksyen 13(2) Akta, atau pemohon layak untuk dikecualikan daripada pekerjaan itu di bawah subseksyen 13(6) Akta;
- (e) untuk mengemukakan bukti bahawa pemohon telah mendapat suatu kelulusan dalam peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis; dan

(f) untuk memenuhi apa-apa syarat dan kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Perakuan pendaftaran sementara hendaklah dalam Borang 6.

(4) Tempoh perakuan hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Pendaftaran penuh

26. (1) Mana-mana orang yang berhak untuk didaftarkan sebagai seorang pengamal perubatan penuh hendaklah memohon dalam Borang 7 dan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Sebelum mendaftarkan orang itu, Pendaftar hendaklah menghendakinya—

(a) untuk mengemukakan—

(i) suatu perakuan perkhidmatan yang memuaskan dalam jawatan perubatan dalam Borang 8;

(ii) suatu perakuan pengecualian daripada pekerjaan dalam jawatan perubatan dalam Borang 9;

(iii) dokumen yang berhubungan dengan subseksyen 14(2A) Akta; atau

(iv) suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah subseksyen 14(3) Akta yang memperakui bahawa Menteri berpuas hati dengan kecukupan kelayakan orang dalam Borang 10; dan

(b) untuk memuaskan apa-apa syarat dan kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

- (3) Perakuan pendaftaran penuh hendaklah dalam Borang 11.

Pendaftaran pakar

27. (1) Seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang berhak untuk didaftarkan sebagai pakar hendaklah memohon kepada Majlis dalam Borang 12 dan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

- (2) Sebelum mendaftarkan orang itu, Pendaftar hendaklah menghendakinya—

(a) untuk mengemukakan bukti pematuhan kepada seksyen 14B Akta; dan

(b) untuk memuaskan apa-apa syarat dan kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

- (3) Perakuan pendaftaran pakar hendaklah dalam Borang 13.

Perakuan pengamalan tahunan

28. (1) Seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang berhasrat untuk menjalankan amalan sebagai seorang pengamal perubatan hendaklah memohon kepada Majlis bagi suatu perakuan pengamalan tahunan dalam Borang 14 dan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

- (2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan—

(a) Perlindungan Tanggung Rugi Profesional;

(b) keterangan mengenai mata pembangunan profesional berterusan yang mencukupi yang diperoleh sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis; dan

(c) apa-apa dokumen atau perakuan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Kecuali dalam kes permohonan pertama bagi perakuan pengamalan perubatan, jika mana-mana pengamal perubatan berdaftar penuh berhasrat untuk menjalankan amalan selepas tiga puluh satu haribulan Disember dalam sesuatu tahun tetapi tidak memohon perakuan pengamalan tahunan dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 20(1) Akta hendaklah membayar, sebagai tambahan kepada fi yang kena dibayar berkenaan dengan suatu perakuan pengamalan tahunan, fi tambahan bagi permohonan lewat sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(4) Perakuan pengamalan tahunan hendaklah dalam Borang 15.

Pembaharuan perakuan pengamalan tahunan

29. (1) Seorang pengamal perubatan berdaftar penuh boleh memohon untuk membaharui perakuan pengamalan tahunannya.

(2) Peruntukan mengenai permohonan perakuan pengamalan tahunan di bawah peraturan 28 hendaklah terpakai bagi permohonan pembaharuan perakuan pengamalan tahunan.

Pembaharuan perakuan pengamalan sementara

30. (1) Mana-mana orang yang telah dikeluarkan dengan perakuan pengamalan sementara boleh memohon untuk membaharui perakuan pengamalan semmentaranya.

(2) Permohonan pembaharuan perakuan pengamalan sementara hendaklah dibuat kepada Majlis dalam Borang 16 dan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Perakuan pengamalan sementara tidak boleh digunakan bagi maksud pekerjaan.

(4) Perakuan pengamalan sementara hendaklah dalam Borang 17.

Memasukkan semula nama

31. (1) Mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang namanya telah disingkirkan daripada Daftar di bawah seksyen 24 Akta boleh memohon kepada Majlis bagi memasukkan semula namanya ke dalam Daftar dalam Borang 18 dan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan—

(a) apa-apa maklumat, gambar dan dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis; dan

(b) apa-apa bukti pemohon memiliki kemahiran klinikal yang mencukupi untuk menjalankan amalan sebagai seorang pengamal perubatan sehingga Majlis berpuas hati.

(3) Permohonan bagi memasukkan semula nama ke dalam Daftar hendaklah disokong dengan laporan perubatan yang disediakan oleh dua orang pengamal perubatan berdaftar penuh yang memperakui bahawa pemohon layak untuk mengamal.

Kemasukan semula nama

32. (1) Mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang namanya telah dipotong daripada Daftar di bawah seksyen 30 Akta boleh memohon kepada Majlis bagi memasukkan semula namanya ke dalam Daftar dalam Borang 18 dan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan—

(a) apa-apa maklumat, gambar dan dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis;

(b) apa-apa bukti pemohon memiliki kemahiran klinikal yang mencukupi untuk menjalankan amalan sebagai seorang pengamal perubatan sehingga Majlis berpuas hati; dan

- (c) sekurang-kurangnya dua testimoni yang disediakan oleh dua orang pengamal perubatan berdaftar penuh yang mempunyai taraf sekurang-kurangnya sepuluh tahun yang memperakui identiti dan kelakuan baik pemohon.

Bukti pendaftaran

33. (1) Tiap-tiap pengamal perubatan berdaftar hendaklah—

- (a) menyebabkan nombor pendaftaran pengamal dinyatakan pada semua preskripsi perubatan dan semua dokumen dan rekod lain yang berhubungan dengan amalan perubatan pengamal; atau
- (b) menyebabkan nombor pendaftaran pakar dinyatakan pada semua preskripsi perubatan dan semua dokumen dan rekod lain yang berhubungan dengan amalan perubatan pakar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa tatatertib Majlis.

BAHAGIAN IV

PROSIDING TATATERTIB

Panel Tatatertib

34. (1) Suatu Panel Tatatertib hendaklah ditubuhkan yang daripadanya anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dan Lembaga Tatatertib hendaklah dipilih.

(2) Panel Tatatertib hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Majlis:

- (a) anggota Majlis;

(b) pengamal perubatan berdaftar penuh yang mempunyai taraf baik sekurang-kurangnya sepuluh tahun dengan perakuan pengamalan tahunan semasa; dan

(c) mana-mana orang selain dalam perenggan (a) atau (b).

(3) Anggota Panel Tatatertib hendaklah memegang jawatan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(4) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Panel Tatatertib.

Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan

35. (1) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah terdiri daripada tidak lebih daripada lima orang anggota yang dipilih daripada Panel Tatatertib.

(2) Fungsi Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan adalah untuk menjalankan suatu siasatan permulaan aduan atau maklumat yang menyentuh apa-apa perkara tatatertib untuk menentukan sama ada perlu atau tidak kepada suatu siasatan.

(3) Kuorum Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan ialah tiga orang.

Lembaga Tatatertib

36. (1) Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dipilih daripada Panel Tatatertib:

(a) sekurang-kurangnya tiga orang anggota Majlis;

(b) tiga orang pengamal perubatan berdaftar penuh yang mempunyai taraf baik sekurang-kurangnya sepuluh tahun dengan perakuan pengamalan tahunan semasa; dan

(c) mana-mana orang selain dalam perenggan (a) atau (b).

(2) Fungsi Lembaga Tatatertib adalah untuk menjalankan suatu siasatan atas mana-mana aduan atau maklumat yang menyentuh apa-apa perkara tatatertib yang diterima terhadap mana-mana pengamal perubatan.

(3) Kuorum mesyuarat Lembaga Tatatertib ialah lima orang.

Peruntukan yang berhubungan dengan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib

37. (1) Majlis hendaklah melantik seorang pengamal perubatan berdaftar penuh dalam kalangan anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menjadi pengerusi jawatankuasa masing-masing.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Pada masa ketiadaan pengerusi, pengamal perubatan berdaftar penuh yang paling kanan yang hadir ke mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Keputusan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibuat secara undi majoriti.

(5) Dalam hal keadaan bilangan undi yang sama banyak, pengerusi, atau pada masa ketiadaannya, orang yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(6) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

(7) Tiada apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, menjadi tidak sah dengan alasan—

(a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib; atau

(b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menjejaskan merit kes.

(8) Anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Lembaga Tatatertib hendaklah, tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam surat pelantikannya, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan, memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(9) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan keanggotaan mana-mana anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan jika Majlis mendapati orang itu bukan lagi seseorang yang layak dan sesuai untuk menjalankan fungsinya di bawah subperaturan (1).

(10) Anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi notis secara bertulis kepada Majlis dan salinan notis itu kepada jawatankuasa itu.

(11) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang difikirkannya layak untuk mengisi kekosongan bagi baki tempoh kekosongan anggota itu.

Aduan terhadap pengamal perubatan berdaftar

38. (1) Apa-apa aduan atau maklumat mengenai mana-mana pengamal perubatan berdaftar hendaklah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Majlis.

(2) Majlis hendaklah mengemukakan aduan atau maklumat yang diterima kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan.

Membuang terus aduan

39. (1) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh mengesyorkan kepada Majlis untuk membuang terus apa-apa aduan atau maklumat jika ia berpuas hati—

- (a) nama dan alamat pengadu tidak diketahui atau tidak dapat dikesan;
- (b) walaupun fakta itu benar, fakta itu tidak menjadi suatu perkara tatatertib; atau
- (c) terdapat sebab untuk meragui kebenaran aduan atau maklumat.

(2) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh, sebelum mengesyorkan apa-apa pembuangan terus, menghendaki pengadu membuat akuan berkanun tentang fakta yang didakwa olehnya.

(3) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah memberikan sebab bagi syor dalam subperaturan (1).

Tatacara penyiasatan

40. (1) Jika Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa aduan atau maklumat itu berkemungkinan benar, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah—

- (a) memberitahu pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan tentang penerimaan aduan atau maklumat yang berkaitan dengannya;
- (b) menghantar salinan aduan atau maklumat dan apa-apa akuan berkanun dan dokumen sokongan yang diterima kepada pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan;

- (c) menghendaki pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan untuk mengemukakan jawapan kepada aduan atau maklumat dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan; dan
- (d) meminta pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan penjelasan atau dokumen lanjutan untuk diberikan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh permintaan dibuat.

(2) Setelah menimbangkan jawapan dan penjelasan, jika ada, oleh pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh mengesyorkan kepada Majlis—

- (a) tiada tindakan lanjut akan diambil terhadap aduan atau maklumat yang diterima; atau
- (b) aduan atau maklumat yang diterima hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Disiplin bagi suatu siasatan diadakan.

(3) Jika pada akhir siasatan, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan mendapati ada alasan serius yang menyokong dakwaan terhadap pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh mengesyorkan kepada Majlis untuk melantik seorang anggota Panel Tatatertib yang tidak terlibat dalam siasatan itu sebagai pengadu jika—

- (a) pengadu sebenar menarik balik aduan atau maklumat itu; atau
- (b) pengadu sebenar tidak dapat dihubungi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan.

Syor dan rekod siasatan

41. (1) Syor dan rekod siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Majlis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh siasatan ditutup.

(2) Majlis boleh, setelah menimbangkan syor Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, dengan sebab untuk direkodkan—

- (a) membuang terus aduan atau maklumat itu; atau
- (b) mengemukakan aduan atau maklumat itu bersama dengan syor Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan kepada Lembaga Tatatertib bagi suatu siasatan.

Siasatan oleh Lembaga Tatatertib

42. (1) Setelah menerima aduan atau maklumat bersama dengan syor Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, Lembaga Tatatertib—

- (a) boleh mengeluarkan suatu perintah interim kepada pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan mengikut seksyen 29A Akta;
- (b) hendaklah, melalui suatu perintah bertulis, menghendaki kehadiran pengadu dan mana-mana orang yang didapati mengetahui hal keadaan aduan atau maklumat itu, di hadapan Lembaga Tatatertib pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam perintah; dan
- (c) hendaklah memberitahu pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan—
 - (i) tarikh, masa dan tempat siasatan aduan atau maklumat itu akan diadakan; dan
 - (ii) haknya untuk hadir dengan atau tanpa peguam dalam siasatan itu.

(2) Lembaga Tatatertib hendaklah mengadakan siasatan pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam perintah itu dan hendaklah meneruskan untuk

menyiasat dakwaan yang dibuat terhadap pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan walaupun dia tidak hadir.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah memeriksa pengadu dan mana-mana orang yang menyokong dakwaan itu.

(4) Pengadu dan mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (3) boleh diperiksa balas oleh pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan dan selanjutnya diperiksa semula oleh Lembaga Tatatertib jika perlu.

(5) Lembaga Tatatertib hendaklah merekodkan semua pernyataan yang dibuat oleh pengadu dan orang yang diperiksa.

(6) Bagi tujuan siasatan, Lembaga Tatatertib boleh menghendaki pengadu atau pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan—

(a) untuk mengemukakan apa-apa bahan yang berkaitan dengan siasatan oleh Lembaga Tatatertib dan membuat salinan bahan itu; atau

(b) untuk hadir pada masa dan tempat yang dinyatakan untuk memberi keterangan dan untuk mengemukakan apa-apa buku, dokumen, kertas, atau rekod lain.

(7) Selepas mengambil kenyataan pengadu dan mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (3), Lembaga Tatatertib hendaklah—

(a) jika Lembaga Tatatertib mendapati bahawa tiada alasan yang mencukupi untuk menyokong dakwaan itu, mengesyorkan kepada Majlis supaya tiada apa-apa tindakan lanjut diambil terhadap pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan; atau

(b) jika Lembaga Tatatertib mendapati terdapat alasan yang mencukupi untuk menyokong dakwaan itu, membuat suatu pertuduhan terhadap

pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan dan menjelaskan kepadanya bahawa dia bebas untuk menyatakan pembelaannya atas pertuduhan yang dibuat terhadapnya dan memanggil saksi untuk menyokong pembelaannya.

(8) Jika pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan selepas dimaklumkan mengenai haknya memilih untuk tidak membuat pembelaan atau memanggil mana-mana saksi untuk menyokong pembelaannya, Lembaga Tatatertib boleh mengesyorkan kepada Majlis bahawa pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya.

(9) Jika pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan memilih untuk membuat pembelaan di hadapan Lembaga Tatatertib, kenyataannya dan kenyataan oleh saksinya, jika ada, hendaklah direkodkan dan Lembaga Tatatertib boleh memeriksa balas kenyataan pengamal perubatan berdaftar dan saksinya.

Jawatankuasa Kelayakan Mengamal

43. (1) Dalam masa siasatan, jika Lembaga Tatatertib mendapati bahawa pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan tidak kompeten secara profesional atau kelayakannya untuk menjalankan amalan terjejas disebabkan hilang upaya fizikal atau mental, Lembaga Tatatertib boleh merujuk pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan kepada Jawatankuasa Kelayakan Mengamal bagi suatu penilaian.

(2) Jawatankuasa Kelayakan Mengamal hendaklah menilai mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang disebut dalam subperaturan (1).

(3) Bagi maksud menilai kekompetenan secara profesional atau kelayakan untuk menjalankan amalan seseorang pengamal perubatan berdaftar, Jawatankuasa Kelayakan Mengamal boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki kehadiran pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan di hadapan Jawatankuasa pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam perintah itu untuk menjawab apa-apa soalan dan mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki.

(4) Jawatankuasa Kelayakan Mengamal boleh, selepas menerima aduan atau maklumat yang mendakwa pengamal perubatan berdaftar tidak kompeten secara profesional atau kelayakannya untuk menjalankan amalan terjejas kerana hilang upaya fizikal atau mentalnya, menilai pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan.

Syor Lembaga Tatatertib

44. (1) Selepas menimbangkan kenyataan pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan dan saksinya, jika ada, bersama dengan laporan penilaian oleh Jawatankuasa Kelayakan Mengamal, jika ada, Lembaga Tatatertib hendaklah—

- (a) jika Lembaga Tatatertib mendapati tidak ada alasan yang mencukupi untuk menyokong pertuduhan itu, mengesyorkan kepada Majlis supaya tiada tindakan lanjut diambil terhadap pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan; atau
- (b) jika Lembaga Tatatertib mendapati pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan bersalah atas pertuduhan, Lembaga Tatatertib hendaklah memaklumkan kepada pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan akan dapattannya dan sebab bagi keputusannya.

(2) Lembaga Tatatertib hendaklah meminta pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan untuk membuat apa-apa rayuan meringankan hukuman dan selepas mendengar rayuan itu, jika ada, mengesyorkan kepada Majlis apa-apa hukuman di bawah seksyen 30 Akta.

Keputusan Majlis

45. (1) Majlis boleh, setelah menimbangkan rekod siasatan dan syor Lembaga Tatatertib, dengan sebab untuk direkodkan—

- (a) menerima syor Lembaga Tatatertib dan mengenakan hukuman;
- (b) mengarahkan Lembaga Tatatertib untuk mengadakan mesyuarat semula dan menyiasat dengan lebih lanjut aduan atau maklumat itu;

- (c) mengarahkan Lembaga Tatatertib yang baharu ditubuhkan dan menjalankan suatu siasatan mengenai aduan atau maklumat itu;
- (d) mengarahkan pertuduhan itu dibuang jika Majlis mendapati tiada kes telah dibuktikan terhadap pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan;
- (e) menolak syor Lembaga Tatatertib dan membuat keputusannya; atau
- (f) memberi apa-apa arahan lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Majlis hendaklah memaklumkan pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan akan keputusannya di bawah subperaturan (2).

(3) Majlis hendaklah berhak untuk menyiarkan dalam media apa-apa kesimpulan kepada siasatan yang dibuat.

BAHAGIAN V

AM

Borang

46. Borang yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Fi yang ditetapkan

47. Fi yang perlu dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Pelantikan penasihat undang-undang

48. (1) Majlis boleh melantik seorang penasihat undang-undang untuk membantu Majlis, Lembaga Tatatertib atau Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan semasa apa-apa prosiding tatatertib.

(2) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang sedang atau telah menjadi seorang peguam bela dan peguam cara bagi tempoh tidak kurang daripada lima tahun untuk menasihati Majlis, Lembaga Tatatertib atau Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan mengenai—

(a) semua persoalan undang-undang yang berbangkit dalam apa-apa prosiding tatatertib; dan

(b) erti dan pentafsiran semua dokumen yang dikemukakan semasa prosiding tatatertib.

Pendedahan maklumat

49. Majlis tidak boleh menjadikan tersedia bagi pemeriksaan atau penyiaran nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat kediaman, nombor telefon atau alamat e-mel pengamal perubatan berdaftar atau butir-butir lain yang pada pendapat Majlis perlu dilindungi daripada pendedahan demi kepentingan keselamatan pengamal perubatan berdaftar.

Larangan menghadiri prosiding tatatertib

50. (1) Tiada seorang pun anggota Majlis, Lembaga Tatatertib atau Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat Majlis, Lembaga Tatatertib atau Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berhubungan dengan suatu prosiding tatatertib jika—

(a) orang itu ialah pengadu;

- (b)* orang itu secara peribadi mengetahui apa-apa fakta yang relevan;
- (c)* orang itu telah hadir atau berkemungkinan untuk hadir di hadapan Lembaga Tatatertib bagi maksud membuat apa-apa pernyataan; atau
- (d)* pengadu, orang yang hadir di hadapan Lembaga Tatatertib bagi maksud membuat apa-apa pernyataan atau pengamal perubatan berdaftar itu ialah anggota keluarganya atau sekutunya.

(2) Bagi maksud peraturan ini—

“anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang anggota Majlis, Lembaga Tatatertib atau Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, termasuklah—

- (a)* suami atau isterinya;
- (b)* ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (c)* anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (d)* adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); atau
- (e)* suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

“sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Majlis, Lembaga Tatatertib atau Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, ertinya—

- (a)* amalan atau syarikat yang anggota atau mana-mana penamanya merupakan pekongsi atau pekerja; atau
- (b)* pekongsi atau pekerja anggota itu.

Pembatalan

51. Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 [*P.U. (A) 68/1974*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 46]

BORANG

TAJUK BORANG	BORANG
Borang Penamaan	1
Kertas Undi	2
Sampul Surat A	3
Sampul Surat B	4
Permohonan bagi pendaftaran sementara	5
Perakuan pendaftaran sementara	6
Permohonan bagi pendaftaran penuh	7
Perakuan perkhidmatan yang memuaskan dalam jawatan perubatan	8
Perakuan pengecualian daripada pekerjaan dalam jawatan perubatan	9
Perakuan yang dikeluarkan oleh Menteri di bawah subseksyen 14(3) Akta	10
Perakuan pendaftaran penuh	11
Permohonan bagi pendaftaran pakar	12
Perakuan pendaftaran pakar	13
Permohonan bagi perakuan pengamalan tahunan atau pembaharuan perakuan pengamalan tahunan	14
Perakuan pengamalan tahunan	15
Permohonan bagi pembaharuan perakuan pengamalan sementara	16
Perakuan pengamalan sementara	17
Permohonan bagi memasukkan semula atau kemasukan semula nama dalam Daftar	18

JADUAL KEDUA

[Peraturan 47]

FI

JENIS PERMOHONAN	FI (RM)
Permohonan bagi pendaftaran sementara	100
Permohonan bagi pendaftaran penuh	150
Permohonan bagi pendaftaran pakar (bagi lima tahun)	1500
Permohonan bagi perakuan pengamalan tahunan	100
Fi tambahan bagi permohonan lewat bagi perakuan pengamalan tahunan	100
Permohonan bagi pembaharuan perakuan pengamalan sementara	500
Permohonan bagi memasukkan semula atau kemasukan semula nama ke dalam Daftar	100

Dibuat 21 Jun 2017

[KKM.R.600-1/1/45; PN(PU2)97/X]

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

*Presiden**Majlis Perubatan Malaysia*

Diluluskan

DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

Menteri Kesihatan

MEDICAL ACT 1971

MEDICAL REGULATIONS 2017

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II

ELECTION OF ELECTED MEMBERS OF THE COUNCIL

2. Interpretation of "elected members"
3. Returning Officer
4. Notice of and request for nomination
5. Nomination
6. Withdrawal of candidature
7. Eligibility of nomination
8. Publication of name of candidate, etc.
9. Objection
10. Uncontested election
11. Nominations exceed vacancies
12. Form of voting

13. Ballot paper
14. Method of voting
15. Opening of ballot paper
16. Counting of vote
17. Declaration of result
18. Grounds for rejection of ballot paper
19. Sealing of ballot paper and Envelope A
20. Retention of ballot paper
21. Complaints

PART III

REGISTRATION OF MEDICAL PRACTITIONERS

22. Medical Education Committee
23. Evaluation Committee
24. Malaysian Medical Register
25. Provisional registration
26. Full registration
27. Specialist registration
28. Annual practising certificate
29. Renewal of annual practising certificate
30. Renewal of temporary practising certificate
31. Reinstatement of name
32. Restoration of name

33. Proof of registration

PART IV

DISCIPLINARY PROCEEDINGS

34. Disciplinary Panel
35. Preliminary Investigation Committee
36. Disciplinary Board
37. Provisions relating to the Preliminary Investigation Committee or the Disciplinary Board
